

PULAU PINANG, 14 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI ADALAH PERLU BAGI SESEBUAH NEGARA YANG MEMBANGUN SEPerti MALAYSIA MENYELARASKAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGINYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENAMBAH, DISEBABKAN KEKURANGAN SUMBER SUMBER BAIK DALAM BENTUK KEWANGAN ATAU KAKITANGAN, SATU PENDEKATAN YANG SISTEMATIK TERHADAP PERKEMBANGAN UNIVERSITI ADALAH LEBIH BAIK DARI PENDEKATAN SECARA BEBAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERUCAP DEMIKIAN DI PERASMIAN PERSIDANGAN KELIMA PENDAFTAR UNIVERSITI-UNIVERSITI KOMANWEL DI ASIA TENGGARA DAN KAWASAN PASIFIK, DI SINI.

KATANYA, NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TIDAK MAMPU MENGECAPI DASAR-DASAR BEBAS YANG DIJUJUKAN OLEH BADAN-BADAN YANG BENAR-BENAR BEBAS.

+KITA TERPAKSA MENENTUKAN AGAR TUGAS-TUGAS DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN OLEH INSTITUSI-INSTITUSI INI ADALAH BERKAITAN DENGAN KEPERLUAN NEGARA DAN DENGAN ITU AKAN DAPAT MENYEDIAKAN KEBAIKAN BAGI BILANGAN YANG MAKSIMA+, JELASNYA.

MAHATHIR 2 PULAU PINANG

BELIAU BERKATA, ADALAH JELAS SEKARANG BAHAWA PENTADBIRAN UNIVERSITI-UNIVERSITI PERLU DIPANDANG DARI SUDUT LAIN.

DI SEBABKAN UNIVERSITI-UNIVERSITI BUKAN BIASANYA DIJALANKAN SEBAGAI SEBUAH PERTUBUHAN Mencari KEUNTUNGAN DAN TERPAKSA DIURUSKAN SECARA CEKAP DEMI PENCAPAIAN MATLAMAT AKADEMIK DAN PERKHIDMATANNYA, ADALAH MUSTAHAK DISEDARI PERBEZAAN ANTARA PERTUBUHAN-PERTUBUHAN UNTUK MEMBUAT KEUNTUNGAN DAN YANG MEMBERI PERKHIDMATAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH, FALSAPAH YANG MENJADI PANDUAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN PERKHIDMATAN MEMERLUKAN SATU PENDEKATAN PENTADBIRAN YANG BERLAINAN SEKALI UNTUK MENJADI BERKESAN.

KOS DAN HASIL YANG DIHARAPKAN MUNGKIN MEMPUNYAI HUBUNGAN YANG TIDAK SECOCOK DENGAN PENGURUSAN UNTUK MENDAPAT KEUNTUNGAN. --

BERNAMA 1102/RV

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA 506)

KIRA-KIRA 50 ORANG PERWAKILAN DAN PEMERHATI DARI KELIMA BUAH UNIVERSITI DI MALAYSIA, DUA BUAH UNIVERSITI SINGAPURA, DUA BUAH UNIVERSITI HONG KONG, DUA BUAH UNIVERSITI PAPUA NEW GUINEA, UNIVERSITI PASIFIK SELATAN, PERSATUAN UNIVERSITI-UNIVERSITI KOMANWEL DAN MAJLIS ANTARA UNIVERSITI, JAWATANKUASA NAIB-NAIB CANSOLOR AUSTRALIA DAN JAWATANKUASA NAIB-NAIB CANSOLOR NEW ZEALAND MENYERTAI PERSIDANGAN ENAM HARI ITU.

KETUA MENTERI, DR. LIM CHING EU DAN NAIB Pengerusi MAJLIS UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, DATUK MOHAMED BIN YEOP ABDUL RAOF ADALAH ANTARA MEREKA YANG HADIR DI MAJLIS PEMBUKAAN ITU.

SELEPAS PEMBUKAAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MELAWAT UNIT KOMPUTER USM.

NAIB CANSOLOR USM, TAN SRI HAJI HAMDAN SHEIKH TAHIR DALAM TAKLIMATNYA BERKATA, UNIVERSITI ITU MENGGUNAKAN SISTEM KOMPUTER BERHARGA \$1.8 JUTA YANG MULA BERGERAK PADA BULAN APRIL, 1975.

SEBELUM INI, USM MENYEWA SISTEM KOMPUTER KECIL SELAMA 18 BULAN BAGI MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PENGIRAAN BAGI TUJUAN PENGAJARAN SAHAJA.

PUSAT KOMPUTER ITU MENYEDIAKAN KEMUDAHAN LATIHAN BAGI PELAJAR-PELAJAR DARI INSTITUSI-INSTITUSI LAIN SERTA MENGADAKAN BEBERAPA KURSUS BAGI KUMPULAN-KUMPULAN PROFESIONAL. -- BERNAMA 1502/YF